

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)
Hari/Tarikh: 1/4/2016
Muka surat: 4

Tajuk : Kpg. Perpat terima sistem rawatan air

Kpg. Perpat terima sistem rawatan air

SARATOK: Menteri Muda Pembangunan Tanah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N33 Kalia, Datuk Abdul Wahab Aziz menyaksikan demonstrasi dan penyerahan Automated Self-Cleaning System Ultrafiltration Mobile di Dewan Sri Pinang, Sekolah Kebangsaan Perpat, Kabong semalam.

Bahagian Perancangan dan Komunikasi Korporat UNIMAS dalam kenyataannya semalam menyatakan, projek itu adalah kerjasama pertama antara Universiti Malaya (UM) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dalam sistem ultraturasan air untuk bekalan air bersih di luar bandar.

Menurut kenyataan itu, majlis tersebut turut disaksikan oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan UM, Prof. Ir. Dr. Noor Azuan Abu Osman dan Profesor Madya Dr Al Khalid Othman daripada Fakulti Kejuruteraan UNIMAS.

"Sistem ini ditaja oleh Datuk Abdul Wahab Aziz dan beliau telah mencadangkan sistem ini akan dipasang di Kampung Perpat, Kabong, Saratok," kata kenyataan itu.

Kenyataan itu turut menyebut, sistem mudah alih itu telah digunakan di tapak perindustrian di Lembah Klang untuk rawatan sisa air, merawat air banjir di Temloh Pahang dan membekalkan air bersih kepada penduduk di Kuala Krai dan Gua Musang.

"Baru-baru ini penyelidik telah membangunkan sistem gelombang surut automatik yang tidak memerlukan operator manual tetapi berdasarkan tetapan sistem kawalan automatik.

"Oleh itu unit ini adalah unit membersihkan diri yang bijak menyesuaikan kekerapan gelombang surut berdasarkan kualiti air mentah," katanya.



SELAMAT... Datuk Abdul Wahab Aziz bersama penduduk kampung mencuba air yang dirawat melalui sistem ultraturasan di Kampung Perpat Kabong semalam.



BERSIH... Antara penduduk mengisi air bersih yang dirawat melalui sistem ultraturasan selepas demonstrasi dan penyerahan sistem tersebut di Dewan Sri Pinang, Sekolah Kebangsaan Perpat, Kabong semalam.